



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

PERATURAN PENTADBIRAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN DAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KES 'T' PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2025

Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan merujuk proses kerja yang dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan sekiranya terdapat permohonan daripada calon yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan tahun semasa. Permohonan penyemakan semula ini terbahagi kepada 2 bahagian seperti yang berikut:

- a) penyemakan semula gred keputusan bagi setiap mata pelajaran yang didaftarkan, dan
- b) penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T'.

A. PENYEMAKAN SEMULA GRED KEPUTUSAN BAGI SETIAP MATA PELAJARAN YANG DIDAFTARKAN

1. Calon boleh membuat permohonan penyemakan semula keputusan dalam tempoh **30 hari** mulai **31 Mac 2026** hingga **29 April 2026**.
2. Bayaran dikenakan **RM100.00** bagi **setiap mata pelajaran**.
3. Permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan dibuat sepenuhnya secara dalam talian di sesawang **elp.moe.gov.my** atau **aplikasi e-Lembaga Peperiksaan (e-LP)**:
 - i. pemohon yang belum pernah menggunakan aplikasi e-LP hendaklah mendaftar dengan maklumat yang betul dan tepat.
 - ii. pilih menu Semak Semula untuk membuat permohonan.
 - iii. pilih menu Semak Status untuk:
 - a) menyemak status permohonan setelah pembayaran dibuat, atau
 - b) menyemak keputusan **KEKAL/BERUBAH**.
4. Sekiranya pemohon memperoleh keputusan **KEKAL**, slip keputusan peperiksaan yang sedia ada terpakai.
5. Sekiranya pemohon memperoleh keputusan **BERUBAH**:
 - i. **calon sekolah** perlu menghubungi Setiausaha Peperiksaan sekolah untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan yang baharu.
 - ii. **calon persendirian** perlu menghubungi Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan yang baharu.

6. Pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan:
- melayari portal rasmi LP di sesawang <https://lp.moe.gov.my>.
 - merujuk manual e-LP.
 - menghantar e-mel kepada khidmatbantu.lp@moe.gov.my, atau
 - menghubungi talian **03-88843785/3787/3365/3260/3443/3439** mengikut waktu operasi berikut:

Isnin hingga Khamis

8:15 pagi hingga 4:30 petang

Jumaat

**8:15 pagi hingga 12:00 tengah hari,
2:45 petang hingga 4:30 petang**

B. PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KES 'T'

1. Calon yang memperoleh keputusan 'T' boleh membuat permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan dalam tempoh **30 hari** mulai **31 Mac 2026 hingga 29 April 2026**.

Peringatan:

*Calon **hadir** Ujian Bertulis dan **melaksanakan** Ujian Bertutur/Ujian Mendengar/Ujian Amali Sains/Pentaksiran Pusat bagi mata pelajaran tersebut (sekiranya berkenaan).*

2. Bayaran dikenakan **RM100.00** bagi **setiap mata pelajaran**. Bayaran akan dikembalikan jika keputusan **BERUBAH**.
3. Permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T' dibuat sepenuhnya secara dalam talian di sesawang elp.moe.gov.my atau **aplikasi e-Lembaga Peperiksaan (e-LP)**:
- pemohon yang belum pernah menggunakan aplikasi e-LP hendaklah mendaftar dengan maklumat yang betul dan tepat.
 - pilih menu Semak Semula untuk membuat permohonan.
 - pilih menu Semak Status untuk:
 - menyemak status permohonan setelah pembayaran dibuat, atau
 - menyemak keputusan permohonan.

4. Pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan:
- melayari portal rasmi LP di sesawang <https://lp.moe.gov.my>.
 - merujuk manual e-LP.
 - menghantar e-mel kepada khidmatbantu.lp@moe.gov.my, atau
 - menghubungi talian **03-88843785/3787/3365/3260/3443/3439** mengikut waktu operasi berikut:

Isnin hingga Khamis

8:15 pagi hingga 4:30 petang

Jumaat

**8:15 pagi hingga 12:00 tengah hari,
2:45 petang hingga 4:30 petang**